

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JANUARY 2017

## Dr. M mahu pulih atau rosakkan ekonomi negara?

**KUALA LUMPUR 16 Jan.** - Kerajaan tidak menambat nilai ringgit sebagaimana pernah dilakukan pada tahun 1998 kerana impak tindakan itu dilihat membawa kerosakan jangka panjang kepada tahap ekonomi dan pendapatan negara.

Pengendali laman blog LSS Report, Lim Sian See mendakwa, berbanding pada era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad, tindakan menambat nilai ringgit menggunakan kawalan modal telah menyukarkan para pelabur membawa keluar wang mereka setelah dibawa masuk ke negara ini.

Katanya, Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri ketika itu tidak menggunakan laluan tradisional dengan menggunakan rizab luar negara untuk membeli atau menjual mata wang asing bagi menyokong ringgit sebaliknya mengawal aliran keluar masuk ringgit dan tidak boleh diniagakan di peringkat antarabangsa.

“Walaupun ia telah membantu menstabilkan ekonomi kita

untuk jangka pendek, namun impak kerosakan kawalan modal adalah besar. Siapa yang mahu melabur di negara anda kerana jika wang itu dilaburkan, wang tersebut tidak boleh dibawa keluar?

“Ramai pelabur akan berprasangka buruk kepada kita kerana mempunyai satu rekod melakukan kawalan modal menyebabkan mereka lebih suka menjual pelaburan mereka di Malaysia dahulu dan kemudiannya menarik diri supaya wang mereka tidak tersekat,” katanya seperti dipetik menerusi blog beliau [limsiansee.blogspot.my](http://limsiansee.blogspot.my) hari ini.

Beliau mengulas ‘jaminan’ Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu untuk mencipta cara lebih berkesan bagi memulihkan nilai mata wang negara iaitu dengan mempertahankan ringgit tanpa penjualan dolar Amerika Syarikat dalam rizab simpanan negara sekiranya pembangkang mengambil alih pemerintahan negara.

Pada majlis pelancaran par-

ti itu kelmari, Dr. Mahathir berkata, cara itu tidak akan menekan rakyat terutama yang mempunyai anak belajar di luar negeri.

Dalam hal itu, Sian See mempersoalkan adakah cara pemulihan ringgit berkenaan akan mengembalikan semula kaedah kawalan modal itu iaitu dasar sama yang menyebabkan ekonomi dan pelaburan negara berada semula pada situasi 1998-2005.

“Ringgit asasnya mengalami sedikit perubahan kepada dolar Australia berbanding 10 tahun lalu malah ia lebih kuat daripada nilai pound UK.

“Cadangan yang lebih baik adalah menggalakkan pelajar menyambung pengajian dalam negara kerana banyak kampus antarabangsa telah dibina di Malaysia. Pendidikan berkualiti masih boleh didapati dalam negara pada kos yang lebih rendah. Jadi, kenapa tidak menggalakkan perkara ini kerana ia mampu mengurangkan aliran keluar mata wang negara?” katanya.

UM - 17/1/2017